

CNS8288

U GB 18-01 00116 BH356

BAH

Mahathir - Subramaniam '''

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Datuk S. Subramaniam akan dilantik sebagai senator dan akan memegang semula jawatan timbalan menteri, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

Bagaimanapun Kementerian Datuk Subramaniam itu akan diberitahu apabila perlantikannya dibuat, kata Datuk Seri Dr Mahathir kepada pemberita di bangunan Parlimen petang ini.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak dapat mengumumkan nama Kementerian berkenaan kerana belum mendapat persetujuan daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah.

Perdana Menteri berkata, seorang lagi dari MIC juga akan dilantik sebagai timbalan menteri tetapi pengumumannya akan dibuat setelah beliau memaklumkan nama calon berkenaan kepada Yang di-Pertuan Agong. -- Lagi.

♥18/01/19-05MST

CNS8290

U GB 18-01 00141 BH357

BAH

Mahathir - Subramaniam 2 Kuala Lumpur '''

Datuk Subramaniam telah mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Timbalan Presiden MIC apabila beliau digugurkan daripada senarai calon pada pilihan raya umum Oktober tahun lepas.

Atas inisiatif Datuk Seri Dr Mahathir, Datuk Subramaniam dan Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu bersetuju pada 9 Jan lepas untuk menamatkan sengketa lama antara mereka dan berikrar bekerjasama semula demi kepentingan parti, masyarakat India dan negara.

Mengenai hasrat Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin untuk meletakkan jawatan, Perdana Menteri berkata, beliau belum membuat keputusan mengenai perkara itu.

Ketika ditanya mengenai laporan akhbar berhubung dengan penjualan Bank Bumiputra oleh Petronas kepada kerajaan, Datuk Seri Dr Mahathir mengesahkan penjualan tersebut.

Beliau bagaimanapun tidak mengulas lanjut tetapi setakat berkata: +Saya rasa lebih baik tanya Menteri Kewangan mengenai perkara ini.+ -- Bernama.

♥18/01/19-06MST